


**SUFFIAN MANSOR**



**TAMADUN**  
**CHINA**



MALAYSIAN  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERADUAN



# TAMADUN CHINA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# TAMADUN CHINA

**SUFFIAN MANSOR**

PUSTAKA PERDANA



1012188

Dewan Bahasa dan Pustaka  
kuala Lumpur  
2003



**Cetakan Pertama 2003**  
**© Suffian Mansor 2003**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Suffian Mansor  
Tamadun China / Suffian Mansor  
ISBN 983-62-7534-7  
1. China—Civilization. 2. China—History. I. Judul.  
951

Dicetak oleh  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037, Jalan AU 3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan



# KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xiii
<b>BAB 1 PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA</b>	<b>1</b>
Pendahuluan	1
Tahap-tahap Perkembangan	2
Ciri-ciri Tamadun China	3
• Tahan Lama	3
• Mempunyai Kawasan yang Luas dan Penduduk yang Ramai	4
• Peningkatan Unifikasi	8
• Peningkatan Keharmonian dan Moral	10
• Berinteraksi	11
• Dinamik	12
• Mendukung Ajaran Falsafah	14
• Mementingkan Penggunaan Teknik	14
Prasejarah di China	14
• Zaman Paleolitik	15
• Zaman Neolitik	17
Mitos dan Legenda	21
Kerajaan Awal	24

## KANDUNGAN

<b>BAB 2 DINASTI CHOU</b>	<b>28</b>
Pendahuluan	28
Dinasti Chou	29
• Dinasti Chou Barat (1066-771 S.M.)	29
• Dinasti Chou Timur (770-256 S.M.)	35
• Zaman Musim Bunga dan Musim Luruh	36
• Negeri-negeri Berperang	36
Seratus Aliran Pemikiran	38
• Konfusianisme	39
• Taoisme	46
• Moisme	49
• Legalisme (Fa Jia)/Aliran Undang-undang	52
• Falsafah Lain	53
<b>BAB 3 DINASTI CH'IN</b>	<b>55</b>
Pendahuluan	55
Asal Usul Negeri Ch'in	56
Kemunculan Dinasti Ch'in	59
Pentadbiran Ch'in	61
Usaha Meluaskan Kuasa	63
Kejatuhan Dinasti Ch'in	66
Perkembangan Sistem Tulisan	71
Bahasa	72
<b>BAB 4 DINASTI HAN</b>	<b>76</b>
Pendahuluan	76
Penguatan	77
Pencapaian	78
Era Wang Mang	81
Zaman Han Akhir	82
Zaman Tiga Kerajaan dan Enam Dinasti	85
Dinasti Wei Utara 7	
Dinasti Selatan	88
Perkembangan Ajaran Agama Buddha	91

KANDUNGAN

<b>BAB 5 DINASTI SUI DAN DINASTI T'ANG</b>	<b>97</b>
Pendahuluan	97
Dinasti Sui	97
Penubuhan Dinasti T'ang	99
Pengukuhan Dinasti T'ang	100
Dinasti T'ang Akhir	104
Lima Dinasti dan Sepuluh Negeri	105
Perkembangan Sains dan Teknologi	108
• Pertanian	108
• Perhubungan dan Pengangkutan	109
• Perubatan dan Kesihatan	111
• Peperangan	113
Penciptaan Lain	115
<b>BAB 6 DINASTI SUNG DAN DINASTI YUAN</b>	<b>117</b>
Pendahuluan	117
Pemerintahan Dinasti Sung	118
Dinasti Sung Selatan	120
Kebangkitan Orang Mongol	124
Pemerintahan Dinasti Yuan	127
Penaklukan	129
Jatuhnya Dinasti Yuan	130
Islam di China	132
<b>BAB 7 DINASTI MING DAN DINASTI CH'ING</b>	<b>139</b>
Pendahuluan	139
Kemunculan Dinasti Ming	139
Pemerintahan Dinasti Ming	141
Kelemahan Dinasti Ming	146
Kebangkitan Orang Manchu	148
Pemerintahan Dinasti Ch'ing	149
Kesenian	153
• Seni Lukis	153

## KANDUNGAN

• Kaligrafi	155
• Seni Bina	157
• Muzik	159
Kesusasteraan	160
<b>BAB 8 MASALAH DAN PEMULIHAN ABAD KE-19</b>	<b>163</b>
Pendahuluan	163
Perkembangan di Eropah Barat dengan China	164
Masalah	167
Kebangkitan Dalaman	172
Kemerosotan Nilai Tradisi	174
Gerakan Pemodenan dan Pembaharuan	175
	177
<b>BAB 9 TAMADUN CHINA ABAD KE-20</b>	<b>181</b>
Pendahuluan	181
Demokrasi dan Nasionalisme	181
Komunisme	184
Cabaran Tamadun China Era Komunis	187
Perkembangan Tamadun China	190
Kesimpulan	199
<i>Bibliografi</i>	203
<i>Indeks</i>	209

## PRAKATA

Buku ini merupakan usaha untuk memperkayakan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu. Setakat ini belum ada lagi penulisan tamadun China dalam bahasa Melayu yang menyeluruh. Dalam hal ini, buku-buku tulisan sarjana Barat seperti buku-buku Edwin O. Reischauer dan John K. Fairbank sering menjadi rujukan pelajar atau orang awam untuk meneliti perkembangan sejarah tamadun China. Sementara itu, buku-buku lain banyak membicarakan tentang pecahan-pecahan dalam tamadun China seperti dalam bidang falsafah oleh Fung Yu-lan. Manakala buku tulisan W. Scott Morton yang bertajuk *China: Its History and Culture*, juga boleh menjadi sumber rujukan tetapi buku tersebut bersifat umum dan terhad di China. Berbalik dengan penulisan tamadun China dalam bahasa Melayu, setakat ini buku berkenaan dengan tamadun China pernah ditulis oleh Lok Chong Hoe, *Tamadun China: Falsafah, Pandangan Hidup dan Aspek-aspek Kesenian*. Buku beliau ini lebih menjurus kepada perbincangan berkenaan dengan soal falsafah dan kosmologi Cina.

Buku ini ditulis secara umum dan ringkas untuk memudahkan pembacaan pelbagai lapisan masyarakat. Oleh sebab penduduk negara kita terdiri daripada pelbagai kaum, maka wajarlah kita boleh memahami saudara kita daripada latar belakang yang berbeza. Atas sebab ini juga buku ini cuba mengupas pelbagai dimensi kehidupan tamadun masyarakat Cina. Tamadun masyarakat Cina yang telah terbina kira-kira 4000 tahun telah mencapai pelbagai kejayaan dan memantapkan kehidupan dalam aspek material mahupun rohani.

## PRAKATA

Salah satu perkara menarik dalam perkembangan tamadun China ialah wujudnya persamaan dalam beberapa aspek rohani dengan tamadun lain seperti Islam. Ini kerana salah satu aspek yang dipentingkan dalam tamadun ini ialah aspek moral. Perkara ini juga dititikberatkan oleh tamadun-tamadun lain di dunia. Keadaan inilah yang menunjukkan tamadun ini menarik untuk dikaji. Malah perkara ini juga boleh membawa persamaan dalam semua bangsa di Malaysia. Perkara seumpama ini juga harus menjadi ikatan yang memperteguhkan hubungan perpaduan dalam masyarakat kita.

Dari segi kandungan, buku ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian sejarah dan beberapa aspek perkembangan tamadun China. Pembahagian ini merupakan usaha untuk melihat perkembangan suatu evolusi perkembangan beberapa aspek tamadun yang mengalami jatuh dan bangunnya. Dengan cara ini kita akan boleh memahami dengan lebih mendalam tentang perkembangan tamadun China dari awal. Tanpa membicarakan sejarah, sukar bagi kita memahami perkembangan sesuatu tamadun. Ini kerana perjalanan sejarah memaparkan pelbagai peristiwa yang mengolah dan memperteguhkan tamadun tersebut. Sementara bahagian kedua diselitkan dalam setiap perkembangan sejarah dengan memberi tumpuan kepada satu aspek sahaja. Namun demikian, tidak semua aspek kehidupan masyarakat Cina dibincangkan. Buku ini hanya merupakan pendedahan awal kepada pembaca tentang perkembangan tamadun China. Selain itu, tumpuan perbincangan buku ini banyak difokus di China. Ini bertujuan untuk memberi gambaran kepada pembaca tentang perkembangan awal tamadun ini di Lembah Sungai Kuning (*Huang He*) sebelum berkembang ke luar dari kawasan tersebut. Dalam bab terakhir, perbincangan cuba membicarakan secara umum tentang penyebaran dan pegekalan serta cabaran tamadun ini di China dan luar China.

Untuk perhatian pembaca, dalam sejarah tamadun China terdapat penggunaan dua ejaan rumi yang berlainan telah diterima pakai hingga hari ini. Dua jenis ejaan itu ialah ejaan Pinyin dan Wade-Giles. Kedua-dua ejaan ini mempunyai maksud yang sama tetapi sebutan dan cara mengejanya berlainan. Lihat contoh di sebelah:

PRAKATA

**Nama Orang**

Pinyin	Wade-Giles
Cixi	Tsu-hsi
Jiang Jieshi	Chiang Kai-shek
Mao Zedong	Mao Tse-tung

**Tempat**

Pinyin	Wade-Giles
Xiamen	Amoy
Beijing	Peking
Guangzhou	Canton

Dalam buku ini kebanyakan ejaan menggunakan bentuk Wade-Giles. Terdapat juga penggunaan ejaan Pinyin tetapi lebih tertumpu kepada bab-bab terakhir terutama Bab 9.

Akhir sekali diharap buku ini boleh memberi penjelasan lebih lanjut tentang sejarah perkembangan tamadun China. Buku ini bukannya terhad untuk bacaan pelajar sekolah atau peringkat universiti tetapi buku ini sebagai suatu usaha untuk mendekati penduduk Malaysia tentang sebuah tamadun yang gemilang pada masa lampau dan pada hari ini bangkit semula untuk menjadi salah sebuah kuasa besar dalam bidang politik, ekonomi dan pengaruh sosial.



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberi kekuatan kepada penulis untuk menyempurnakan buku ini.

Selain itu, penulis juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pelbagai pihak yang memberi dorongan dan semangat untuk menyiapkan buku ini. Tanpa sokongan mereka, buku ini mungkin tidak akan dapat disempurnakan. Terlebih dahulu penulis ingin merakam penghargaan kepada Prof. Dr. Abdullah Zakaria Ghazali dan Prof. Madya Dr. Adnan Haji Nawang yang banyak memberi galakan kepada penulis untuk menonjol dalam bidang sejarah China. Atas nasihat dan tunjuk ajar mereka telah memberi semangat kepada penulis untuk menghasilkan buku ini. Penulis juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada beberapa orang rakan seperjuangan seperti Rashid, Azharudin, Azhar, Dr. Hamidin, Zulkanain dan Ho Hui Ling yang tidak jemu-jemu memberi sokongan dan nasihat serta kerjasama mereka dalam proses penghasilan buku ini.

Penghasilan buku ini juga tidak akan sempurna jika tidak mendapat sokongan daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terutamanya Encik Abdul Karim Abu Bakar. Sokongan daripada pihak DBP ini amat penting kerana mereka telah memberi ruang kepada penulis untuk menghasilkan buku ini. Tanpa sokongan mereka mungkin buku ini tidak dapat disiapkan dengan cepat.

Tidak ketinggalan juga sokongan daripada kakitangan akademik dan kakitangan sokongan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya telah memantapkan lagi penghasilan buku ini. Manakala pihak perpustakaan juga turut memberi sokongan kepada penghasilan buku ini.

#### PENGHARGAAN

Akhir sekali penulis berharap buku ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warganegara Malaysia untuk mengetahui atau memahami perkembangan tamadun dunia amnya dan tamadun China khususnya.

Suffian Mansor  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

## BAB 1

# PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

### **Pendahuluan**

Secara umumnya, tamadun merujuk kemajuan sesebuah masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan. Tamadun terbentuk secara evolusi dan memakan masa yang panjang iaitu daripada manusia primitif yang menjalani kehidupan secara berburu dan memungut makanan sehingga wujudnya manusia moden yang membentuk pelbagai kemajuan dalam kehidupan manusia hari ini. Dalam perkembangan kemajuan manusia, sejarah memberi paparan tentang usaha awal manusia untuk membangunkan dan memajukan kehidupan mereka sehingga terbentuknya tamadun-tamadun awal. Sarjana-sarjana sejarah bersetuju bahawa tamadun awal manusia terdapat di Asia Barat atau lebih khusus ialah tamadun Mesopotamia.

Di sebelah Asia Timur, evolusi perkembangan tamadun awal telah digerakkan oleh masyarakat Cina bertempat di Sungai Kuning (*Huang He*) ataupun lebih dikenali sebagai tamadun China. Tamadun ini merupakan salah sebuah tamadun tertua di dunia. Tamadun ini terbina kira-kira 4000 tahun yang lampau. Kita perlu memahami ciri-ciri, corak dan aspek dalam tamadun China untuk memahami masyarakat Cina hari ini. Ini kerana budaya dan cara hidup mereka amat berbeza dengan kebanyakan masyarakat dan tamadun lain di dunia. Oleh itu, perbezaan yang wujud dalam tamadun China seharusnya difahami supaya boleh mengeratkan persefahaman antara bangsa-bangsa di dunia. Sehubungan dengan itu juga, tamadun China memiliki keistimewaannya yang tersendiri,

## TAMADUN CHINA

dan perkembangannya meniti sejarah manusia telah dikagumi oleh masyarakat dunia. Bagi sesetengah bangsa pula, tamadun China merupakan punca pembinaan tamadun mereka seperti tamadun Jepun dan masyarakat Korea serta penduduk Vietnam. Manakala pada hari ini, banyak aspek dalam tamadun China telah mempengaruhi masyarakat dunia.

### **Tahap-tahap Perkembangan**

Tamadun China yang terbina kira-kira 4000 tahun itu boleh dibahagikan kepada beberapa tahap penting. Tahap pertama merupakan tahap prasejarah hingga tahun 256 Sebelum Masihi (S.M.). Tahap ini digambarkan dengan usaha pembinaan tamadun China dengan adanya penempatan awal manusia di Sungai Kuning hingga pembentukan kerajaan awal iaitu dinasti Hsia hingga dinasti Chou Barat.

Tahap kedua pula menampakkan suatu tahap pengukuhan dan kelangsungan tamadun China dari tahun 770 S.M. hingga tahun 206 S.M. Walaupun tahap ini dipenuhi keadaan huru-hara, namun tahap ini amat penting bagi penerusan dan pengukuhan tamadun China kerana munculnya pelbagai aliran falsafah yang penting. Seterusnya, tamadun China diperkukuhkan dengan kemunculan dinasti Ch'in. Seterusnya, tahap ketiga merupakan tahap perkembangan dan kegemilangan serta penerusan dari tahun 206 S.M. hingga tahun 1271 Masihi. Tahap ini melambangkan kemuncak yang tinggi dalam tamadun China dan juga mencerminkan kematangan pembinaan tamadun China dengan adanya pemimpin berwibawa bagi dinasti Han dan dinasti Tang.

Seterusnya, tahap keempat ialah tahap penyesuaian dari tahun 1271 hingga tahun 1800. Dalam tahap ini, dua pemerintahan asing muncul di negara China iaitu pimpinan orang Mongol dan orang Manchu. Namun pada masa tersebut juga orang Cina cuba membebaskan diri daripada penaklukan asing ini. Dinasti Ming yang muncul di tengah-tengah dua dinasti asing ini juga telah memperkukuhkan lagi beberapa pencapaian dalam tamadun China. Tahap kelima ialah tahap moden China hingga hari ini. Tahap ini dilihat sebagai tahap pencerobohan kuasa asing di China. Tamadun

## PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

China hampir mengalami keruntuhan, namun nilai-nilai lama yang ada pada tamadun ini dan pengalaman para pemimpin Cina membuatkan tamadun ini kekal hingga hari ini.

### **Ciri-ciri Tamadun China**

Sepanjang 4000 tahun pembinaan tamadun China itu juga memperlihatkan bahawa tamadun ini mempunyai beberapa ciri penting yang menjadikan tamadun ini mempunyai keistimewaan tersendiri. Antara ciri-ciri tamadun ini ialah:

#### *Tahan Lama*

Ciri ini merupakan salah satu ciri penting dan unik bagi tamadun China. Jika kita memerhati perjalanan kebanyakan tamadun tertua di dunia seperti tamadun Mesir dan tamadun Mesopotamia, kedua-dua tamadun ini tidak kekal lama. Secara beransur-ansur, kedua-dua tamadun itu lemah akibat ketidakcekapan pemimpinnya, dan akhirnya diserang oleh penduduk asing. Dengan serangan penduduk asing ini, secara beransur-ansur tamadun tersebut mengalami keruntuhan dan akhirnya lenyap ditelan zaman. Yang tinggal bagi tamadun ini hanya tinggalan bangunan bersejarah seperti piramid, patung Spinx dan sisa-sisa monumen Taman Tergantung Babylon.

Berbeza dengan tamadun China, yang merupakan salah satu tamadun tertua di dunia namun tamadun ini tetap bertahan dalam peredaran zaman. Namun demikian, keadaan ini bukannya bermakna bahawa tamadun China tidak mempunyai kelemahan. Tamadun ini tetap mempunyai kelemahan tersendiri seperti ketidakcekapan pentadbiran, kezaliman pemimpin, bencana alam dan pencerobohan asing. Walaupun tamadun China mempunyai kelemahan yang biasa bagi setiap tamadun namun tamadun China tetap bertahan sebagai sebuah tamadun yang unggul. Serangan orang gasar dari utara pernah menjadi ancaman amat besar terhadap tamadun China, namun tamadun ini tetap berkesinambungan kerana ketinggian tamadunnya. Orang gasar yang pernah menakluk China tidak pernah memusnahkan tamadun China tetapi sebaliknya mereka memilih tamadun China sebagai gaya hidup mereka. Orang Mongol, Manchu, Toba Khitan, Hsiung-na dan pelbagai kaum

## TAMADUN CHINA

lain di utara, barat laut dan timur laut tidak pernah mengancam untuk memusnahkan tamadun China tetapi menyanjungi tamadun ini sebagai sebuah tamadun yang lengkap dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Selain itu, kesinambungan yang tidak pernah putus bagi tamadun China ini juga disebabkan pembinaannya yang dari awal dalam masyarakat Cina telah menjadi sebatian dalam jiwa mereka hingga menjadi budaya mereka. Perkara ini telah menjadikan tamadun China berkekalan hingga sekarang. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan cabaran terbesar yang dialami tamadun China pada abad ke-19 dan ke-20. Sejak berlakunya Perang Candu hingga tahun 1949 menyaksikan tamadun China dijatuhkan dan dimalukan oleh kuasa Barat dan Jepun. China ketika itu seolah-olah sebuah tembikai yang dipotong-potong oleh kuasa Barat dan Jepun. Tamadun China pada masa itu boleh ditafsirkan sebagai “orang sakit Asia”. Namun demikian, tamadun China tetap berjaya mempertahankan dirinya daripada lenyap ditelan zaman. Walaupun institusi kemaharajaannya telah dijatuhkan, namun tamadun China tetap menentang sebarang pencerobohan asing. Menerusi anak bangsa Cina yang terpengaruh dengan idea Barat terutamanya demokrasi, komunisme dan semangat nasionalisme telah dapat menegakkan semula tamadun China di mata dunia. Dalam hal ini, komunisme hanyalah alat yang menyatukan China kerana komunisme masih gagal disempurnakan secara mutlak dalam masyarakat Cina. Ini kerana budaya Cina tetap dipegang teguh oleh penduduk China, dan komunisme terpaksa menyesuaikan dengan keadaan di China. Faktor yang membawa kelangsungan tamadun China ialah pengalamannya dalam mengukuhkan institusi politik, ekonomi dan sosial. Selain faktor ini, usaha yang dibuat oleh anak muda China untuk menyesuaikan tamadun China dengan perubahan dunia telah membolehkan tamadun ini terus kekal hingga hari ini.

### *Mempunyai Kawasan yang Luas dan Penduduk yang Ramai*

Salah satu keunikan tamadun China ialah keluasan geografinya. Jika kita melihat tanah asal tamadun ini iaitu negara China, negara ini merupakan negara ketiga terbesar di dunia dan terbesar di Asia

#### PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

Timur. Keluasan negara China ialah 9 596 960 kilometer persegi ataupun 3 599 975 batu persegi. Jika dibandingkan dengan negara kita, negara China lebih 29 kali ganda besarnya. Namun demikian, dua pertiga daripada kawasannya adalah kawasan pergunungan dan gurun di sebelah barat dan utara. Kawasan tertinggi ialah kawasan Dataran Tibet dengan ketinggian purata 4000 meter ataupun 13 000 kaki. Negara ini juga dikenali sebagai bumbung dunia. Manakala gurun di China terdapat di bahagian utara iaitu Gurun Gobi dan di bahagian barat laut iaitu Gurun Taklimakan.

Oleh sebab hampir keseluruhan kawasan di China bergunung-ganang dan bergurun, maka kawasan untuk bercucuk tanam hanya seluas 15 peratus. Walaupun China tidak memiliki kawasan pertanian yang luas, namun China mampu menampung makanan untuk penduduknya dan yang paling mengagumkan China juga mampu mengeksport makanan ke luar negara. Ini merupakan satu lagi keistimewaan tamadun China.

Keluasan tamadun China dari segi geografi telah dibina sejak zaman awal evolusi. Pada peringkat awal, kawasan yang dikatakan diduduki orang Cina adalah sebuah kawasan petempatan kecil dan bertaburan di sepanjang Sungai Kuning. Namun dengan adanya kemajuan teknologi dan China beralih ke zaman logam, maka penduduk China bertambah dan dibentuk kerajaan. Dengan adanya sebuah kerajaan yang teratur, maka usaha meluaskan pengaruh China telah dimulakan dan berjaya menakluk dan meluas pengaruhnya ke selatan sehingga ke utara Vietnam dan barat ke Sinkiang serta Tibet. Manakala di utara pula pengaruh China meluas ke kawasan Mongolia dan Manchuria sehingga utara Korea yang juga menjadi kawasan taklukan China. Namun demikian, keluasan kawasan di China ini menghadapi masalah campur tangan asing pada abad ke-19. Akhirnya kawasan seperti Mongolia (Mongolia Luar), Korea, Taiwan dan Vietnam Utara telah dapat membebaskan diri daripada pengaruh China. Sementara itu, kuasa Barat dan Jepun pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 telah menjalankan proses perluasan kuasa yang hampir melenyapkan tamadun China. Rusia merupakan kuasa Barat yang paling banyak merampas wilayah China. Pada 8 Mac 1963, Beijing pernah menyenaraikan wilayah China yang hilang kepada Rusia seperti di selatan Siberia, Wilayah

## TAMADUN CHINA

Kelautan dan kira-kira 500 000 batu persegi di Asia Tengah.<sup>1</sup> Usaha untuk memperoleh wilayah-wilayah yang hilang itu tetap dijalankan oleh pemimpin China hari ini. Usaha ini dianggap tidak sia-sia kerana sebelum China melangkah ke abad 21, China memperoleh semula wilayah pajakan British dan Portugal iaitu Hong Kong dan Macao. Mereka juga berjaya menyelesaikan isu sempadan dengan Rusia.

Dari segi penduduk, China merupakan negara yang mempunyai penduduk paling ramai di dunia. Kira-kira 22 peratus penduduk dunia terdapat di China, iaitu berjumlah sekitar 1.2 bilion. Wilayah Szechwan merupakan wilayah yang mempunyai penduduk teramai iaitu 107 juta orang, manakala wilayah Tibet mempunyai penduduk paling sedikit iaitu 2.2 juta orang. Namun demikian, kebanyakan penduduk China tinggal di kawasan luar bandar iaitu lebih 75 peratus.<sup>2</sup>

Penduduk China terdiri daripada 56 kumpulan etnik. Namun, penduduk Han merupakan 95 peratus penduduknya iaitu berjumlah satu bilion. Kebanyakan mereka ini mendiami lembah Sungai Kuning Utara, Sungai Yangtze di tengah dan lembah Si Kiang di selatan serta dataran Songhuajiang-Liaohe di timur laut.<sup>3</sup> Manakala baki lima peratus adalah etnik yang tinggal berselerakan di seluruh China. Minoriti yang paling besar jumlahnya ialah orang Zhuang yang berjumlah 15.5 juta. Orang Zhuang kebanyakannya tinggal di Kwangsi. Orang Lloba merupakan golongan minoriti terkecil iaitu berjumlah 2300 orang. Mereka mendiami kawasan tenggara iaitu di Tibet. Penduduk minoriti ini menduduki 60 peratus kawasan di China.

Jumlah penduduk yang ramai itu telah menjadi salah satu faktor keluasan China dan keutuhan tamadun China hingga hari ini. Penduduk China yang ramai juga bukan sahaja terdapat di tanah besar China tetapi mereka juga terdapat hampir di seluruh dunia. Taburan orang Cina di serata dunia boleh dilihat pada Jadual 1.

- 1 Immanuel Hsu, 1995. *The Rise of Modern China*. Edisi Kelima. Oxford: Oxford University Press, hlm. 682.
- 2 *Budaya Serata Dunia: China*, 1994. Singapura dan Kuala Lumpur: Times Books International, hlm. 43.
- 3 Bai Shouyi (ed.), 1982. *An Outline History of China (Part 1)*. Beijing: Foreign Languages Press, hlm. 9.

PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

Jadual 1 Taburan Penduduk China Seberang Laut (Pertengahan Tahun 1968).

Tempat	Orang Cina Seberang Laut	Jumlah Penduduk
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>18 800 339</b>	<b>3 483 263 000</b>
Afrika	57 460	335 916 000
Amerika (Selatan dan Utara)	603 186	489 351 000
Asia (termasuk Rusia)	18 007 913	2 184 620 000
Eropah	68 092	454 866 000
Oceania	63 688	18 510 000

*Sumber: Chung-Hsi Wu, 1973. "Overseas Chinese" dlm. Yuan-li Wu, China: A Handbook. Newton Abbot: David & Charles, hlm. 415.*

Orang Cina di luar tanah besar ini dipanggil sebagai Orang Cina Seberang Laut. Mereka merupakan orang Cina dari tanah besar China yang telah berhijrah untuk mencari peluang ekonomi seberang laut. Penghijrahan secara besar-besaran telah berlaku pada abad ke-19 dan ke-20. Selain itu, bencana alam dan kekacauan yang berlaku di China juga menjadi faktor penolak kepada penghijrahan orang Cina ini. Mereka tetap mengekalkan identiti sebagai masyarakat Cina yang diwaris daripada tamadun China. Namun di sesetengah tempat, budaya Cina tidak mendapat kebebasan untuk diamalkan secara bebas sebagaimana yang berlaku di Indonesia. Namun, perkara ini tidak mematikan perkembangan dan pengaliran tamadun China terhadap masyarakat antarabangsa. Buktinya adalah kemunculan beberapa bandar Cina atau *China Town* di kebanyakan negara di dunia seperti di Manchester, Britain; Los Angeles, Chicago di Amerika Syarikat; dan Havana di Cuba. Manakala beberapa cara hidup masyarakat Cina menjadi ikutan dan diterima oleh kebanyakan masyarakat antarabangsa seperti dalam bidang makanan, kesenian, falsafah dan bahasa serta tulisan. Namun demikian, bukan semua masyarakat Cina seberang laut mengamalkan budaya Cina kerana sebahagian daripada mereka

## TAMADUN CHINA

beransur-ansur hilang identiti kecinaan. Ini kerana dasar kerajaan dan pengaruh modenisasi telah melenyapkan identiti mereka.

### *Pentingkan Unifikasi*

Satu lagi ciri unik yang dalam tamadun China ialah kebolehnya memupuk penyatuan. Perkara ini amat istimewa kerana pemerintahan China sejak zaman awal wujudnya tamadun China mementingkan perpaduan yang bukan sahaja dari segi geografi tetapi ikatan budaya masyarakatnya. Usaha penyatuan telah dilakukan melalui usaha meluaskan pengaruh China ke negara-negara jiran. Usaha ini dimulakan oleh dinasti Hsia dan diteruskan oleh dinasti Shang dan dinasti Chou. Namun demikian, penyatuan yang dilakukan oleh dinasti-dinasti awal itu bukanlah penyatuan yang kukuh kerana penyatuan itu berdasarkan sistem feodal yang longgar. Dalam dinasti Chou misalnya, pembesar-pembesar tempatan dan anak-anak raja telah diberi kuasa memerintah wilayah masing-masing. Mereka hanya menyatakan taat setia kepada kerajaan pusat iaitu China dalam satu upacara angkat sumpah kesetiaan di ibu negara. Oleh sebab kelemahan sistem ini untuk meneguhkan hubungan antara pihak pusat dengan wilayah, maka usaha penyatuan yang lebih konkrit telah dilakukan oleh dinasti Ch'in.

Dinasti Ch'in boleh dilihat sebagai pemula sejarah baru di China kerana dinasti ini telah menjalankan usaha penyatuan yang meliputi semua aspek. Antaranya termasuklah usaha menyatukan wilayah-wilayah dengan menguatkan kerajaan pusat. Manakala sistem timbang dan sukat, tulisan dan ukuran juga telah diseragamkan untuk kepentingan penyatuan masyarakat Cina. Usaha penyatuan itu telah diselaraskan dengan penaklukan beberapa kawasan di selatan, utara, timur laut dan barat. Usaha dinasti Ch'in itu telah diteruskan dan diperkukuhkan lagi oleh beberapa dinasti selepas itu hingga hari ini.

Keunikan tamadun China untuk menyatukan wilayah-wilayah telah dapat mengatasi beberapa masalah perpecahan. Sepanjang tempoh 4000 tahun sejarah pembentukan tamadun China, banyak peristiwa perang, pemberontakan dan huru-hara serta serangan

#### PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

luar hampir memusnahkan perpaduan China seperti yang berlaku pada Zaman Musim Bunga-Musim Luruh (770—476 S.M.) dan Zaman Negeri-negeri Berperang (475-221 S.M.). Manakala kejatuhan dinasti Han telah memecahkan China kepada tiga buah kerajaan dan diburukkan lagi dengan perpecahan negara kecil di utara dan selatan China. Namun, pemimpin-pemimpin China yang dinamik dan berwibawa telah menyatukan semula wilayah-wilayah ini. Malah pada suatu ketika, China diserang dan ditakluk oleh orang Mongol tetapi penaklukan itu tidak memusnahkan perpaduan China. Sebaliknya, orang Cina telah meneruskan usaha menyatukan dan meluaskan pengaruh China hingga ke Asia Tenggara dan Jepun. Begitu juga yang berlaku apabila orang Manchu menakluk China pada tahun 1644 dan mereka juga menjaga perpaduan China. Usaha yang dianggap cuba lari daripada kekuasaan China akan ditekan dan ditindas. Penduduk Islam di Yunnan yang cuba memberontak pada tahun 1855 telah ditumpaskan. Begitu juga dengan usaha Gerakan Kesetiaan Ming untuk menyingkirkan dinasti Ch'in juga mengalami tekanan pihak pemerintah. Pusat terakhir gerakan ini yang terletak di Taiwan juga dapat ditumpaskan pada tahun 1683.

Namun, abad ke-19 dan awal abad ke-20 menyaksikan tamadun China menghadapi masalah besar yang mengganggu perpaduan China. Kuasa asing berusaha membahagi-bahagikan wilayah China di bawah kekuasaan masing-masing. Terdapat beberapa bentuk penjajahan yang dilakukan oleh kuasa asing terhadap China. Bentuk penjajahan itu ialah wilayah asing, pajakan, petempatan penduduk asing dan kawasan pengaruh. Manakala Revolusi 1911 memburukkan perpaduan di China. Pemerintahan Presiden Yuan Shih-kai tidak mendapat sokongan penduduk China. Akhirnya, apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1916, China berpecah kepada kekuasaan panglima-panglima perang. Namun, keazaman pemimpin China seperti Dr. Sun Yat-sen, Jeneral Chiang Kai-shek dan Mao Tse-tung telah berusaha menyatukan China. Ekspedisi ke utara yang dilancarkan pada tahun 1926 merupakan langkah penyatuan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin China. Manakala selepas kejayaan pihak komunis pada tahun 1949, usaha menyatukan wilayah-wilayah China yang jatuh ke tangan kuasa

## TAMADUN CHINA

asing dan memisahkan diri daripada China telah dilakukan. Tibet dan Sinkiang misalnya telah dikembalikan ke China sebaik sahaja pihak komunis berjaya menyatukan China. Usaha pemisahan yang dilakukan oleh Tibet pada tahun 1959 telah dapat digagalkan oleh kerajaan komunis China.

Semangat pemimpin China yang ingin menyatukan China juga mencetuskan peperangan dengan India dari 20 Oktober hingga 21 November 1962. Manakala konflik antara China dengan Rusia berkaitan dengan Pulau Chen-po atau Pulau Damansky di Sungai Ussuri membawa pertempuran antara kedua-dua pihak pada 2 Mac 1969 dan pertempuran kedua pada 14-15 Mac 1969. Kedua-dua pertempuran itu berlaku di Pulau Chen-po atau Pulau Damansky di Sungai Ussuri.<sup>4</sup> Sementara itu, isu Taiwan juga membawa China melancarkan beberapa serangan terhadap wilayah Taiwan pada bulan Oktober 1949, bulan September 1954 dan bulan Januari 1955. China menuntut Taiwan menjadi wilayah ke-23 China. Usaha penyatuan Taiwan itu ditegaskan lagi dengan kertas putih China pada tahun 1996.

### *Peningkatan Keharmonian dan Moral*

Satu lagi ciri penting dalam tamadun China ialah mementingkan soal keharmonian dan moral yang tinggi. Berkaitan dengan soal keharmonian, tamadun China mewujudkan hubungan baik antara manusia dengan pencipta alam dan alam sekelilingnya. Sejak awal pembinaan tamadun China, masyarakat Cina telah menjalin hubungan baik dengan alam. Alam sekitar dianggap sebagai suatu yang suci dan harus dihormati dengan melakukan upacara penyembahan dan pengorbanan.

Dalam kehidupan masyarakat Cina seharian, mereka amat mementingkan peraturan hidup yang harmoni dengan alam sekitar yang perlu dijalankan dengan sebaik mungkin. Misalnya, untuk membina rumah atau bangunan, mereka memerlukan panduan daripada konsep Feng Shui agar mendapat berkat. Kesilapan berbuat demikian akan mendatangkan bencana atau masalah. Begitu juga

4 Immanuel Hsu, *The Rise of Modern China*. Edisi Kelima, hlm. 683.

## PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

dalam hal kehidupan seharian masyarakat Cina bahawa mereka harus mempunyai moral yang tinggi. Peribadi mereka juga harus baik. Keadaan ini boleh mengekalkan hubungan antara sesama manusia. Perkara ini memang menjadi fokus utama oleh ahli falsafah utama Cina iaitu Confucius. Dalam susun lapis masyarakat tradisi, daripada seorang raja, pegawai kerajaan, pelajar hingga kepada seluruh rakyat di China dimestikan mempunyai moral yang tinggi. Sifat moral yang tinggi ini disarankan oleh Confucius dalam ajarannya dan masyarakat juga harus dididik untuk mencapai moral yang tinggi.

### *Berinteraksi*

Sesetengah sarjana Barat berpendapat bahawa tamadun China bersifat tertutup. Mereka berpendapat bahawa dari segi geografinya, China telah dihalang pelbagai bentuk muka bumi. Di sebelah timur Lautan Pasifik, manakala di sebelah barat kawasan tanah tinggi seperti Pergunungan Himalaya dan Dataran Tibet, sementara bahagian utara sebuah kawasan gurun luas. Bahagian selatan pula merupakan kawasan pergunungan dan hutan belantara. Keadaan inilah yang memencilkan tamadun China, dan tidak seperti tamadun-tamadun besar lain seperti tamadun Barat berdekatan dengan tamadun Mesir dan tamadun Mesopotamia.<sup>5</sup> Begitu juga dengan tamadun Lembah Indus yang mendapat banyak pengaruh daripada tamadun-tamadun awal yang lain.

Namun demikian, interaksi tamadun China dengan dunia luar tetap berlaku. Interaksi ini dapat dibuktikan dengan adanya Laluan Sutera dari bandar purba China iaitu Changan (kini dipanggil Sian) ke wilayah-wilayah bahagian barat. Di sini, barangan China seperti sutera telah dibawa ke Constantinople (Istanbul), Rom dan Venice. Selain itu, interaksi tamadun China juga dijalankan menerusi jalan laut. Zaman dinasti Ming memulakan pelayaran hebat bagi bangsa Cina. Mereka telah bergerak ke pesisir pantai di Asia Tenggara, selatan India, Sri Lanka, Hormuz dan pesisir pantai timur Afrika.

5 Edwin O. Reischauer dan John K. Fairbank, 1970. *East Asia The Great Tradition*. Boston: Houghton Mifflin Company, hlm. 9.

## TAMADUN CHINA

Interaksi tamadun China dengan dunia luar juga dijalankan oleh orang asing yang datang ke China. Keadaan ini boleh dibuktikan dengan kehadiran pelbagai bangsa di bandar-bandar utama China. Bandar purba Changan dan Anyang merupakan dua buah bandar yang pernah didiami penduduk pelbagai bangsa. Bandar pelabuhan Canton juga menerima kehadiran penduduk dari pelbagai bangsa seperti Rom, Arab, Yahudi, dan penduduk Asia Tenggara. Dengan adanya hubungan dengan pihak luar itu, dinasti Han mengenali wujudnya Rom yang mereka kenali sebagai Ta Ch'in.<sup>6</sup>

Dengan wujudnya interaksi antara tamadun itu, maka tamadun China juga mudah menerima beberapa aspek penting dalam tamadun mereka. Tanaman makanan dari Asia Barat seperti barli dan gandum telah diperkenalkan dalam tamadun China. Beras pula diperkenalkan oleh penduduk Asia Tenggara kepada penduduk China. Selain itu, dalam bidang keagamaan, masyarakat Cina juga mudah menerima ajaran agama Buddha dari India. Ajaran agama Islam dan agama Kristian juga senang diterima oleh penduduk China. Namun demikian, tamadun China mengambil langkah yang silap pada abad ke-19 apabila mengamalkan dasar tutup pintu yang ketat. Dasar China ini akhirnya telah membawa kelemahan tamadun tersebut. Kesilapan China pada abad ke-19 itu telah dapat dipulihkan oleh pemimpin-pemimpin nasionalis dan komunis China. Pembukaan China pada akhir tahun 1970-an menyaksikan China menjadi salah sebuah kawasan pelaburan dan pasaran yang diminati pelabur luar. Pada hari ini China dianggap sebagai kuasa ekonomi baru di rantau Asia Pasifik. Kadar pertumbuhan ekonomi China dianggap sebagai terpentas di dunia. China akan dijangka akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2040 yang akan mengatasi Jepun dan Amerika Syarikat.<sup>7</sup>

### *Dinamik*

Seperti yang telah dinyatakan di awal bab ini, iaitu terdapat tahap-tahap perkembangan tamadun China, maka ternyata bahawa

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 108.


<sup>7</sup> John Bryan Starr, 1999. *Understanding China*. London: Profile Books Ltd., hlm. 3.

#### PENGENALAN DAN PEMBINAAN TAMADUN CHINA

perkembangan tamadun ini yang tidak putus-putus dan terus hidup membuktikan kedinamikannya. Keadaan ini boleh dibuktikan dengan kebijaksanaan pemimpin dan masyarakat Cina menerima dan mengubahsuai perubahan mengikut zaman. Sepanjang 4000 tahun, orang Cina telah mencapai beberapa kemajuan yang membanggakan. Keadaan ini disaksikan dengan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Cina dalam pelbagai aspek.

Misalnya, dalam aspek pemerintahan, penduduk China telah memajukan sistem pemerintahannya dengan teratur. Pada peringkat awal, masyarakatnya berteraskan suku-suku yang diketuai ketua masing-masing. Selepas itu, sistem tersebut diganti dengan sistem pemerintahan beraja dengan tertubuhnya dinasti-dinasti. Daripada sistem tersebut digerakkan corak pentadbiran China melalui sistem feudal. Kelemahan sistem ini telah membawa pemerintahan China dipusatkan kepada kerajaan pusat yang kuat dengan seorang maharaja, manakala di setiap wilayah dilantik wakil-wakil dari kerajaan pusat. Sistem pemerintahan China ini dilengkapi lagi dengan adanya sistem birokrasi yang dipilih berdasarkan peperiksaan awam. Bagi menangani masalah pencerobohan asing pada abad ke-19, maka kerajaan China telah menjalankan beberapa usaha reformasi pentadbiran yang bermula dengan Gerakan Seratus Hari pada tahun 1898 dan diteruskan oleh Maharani Balu Tzu Hsi pada awal abad ke-20. Seterusnya sistem pemerintahan ini diubahsuai lagi dengan penghapusan sistem monarki mutlak kepada sistem republik berparlimen. Pada hari ini, sistem pemerintahan di China berdasarkan sistem pemerintahan komunis dengan menekankan sistem sebuah negeri satu parti.

Perubahan yang serupa juga berlaku dalam sistem ekonomi tamadun China. Pada peringkat awal, masyarakat Cina hanya menjalankan aktiviti ekonomi sara diri dan bersifat kolektif iaitu dengan berburu dan memungut hasil hutan. Seterusnya, bidang pertanian dan penternakan menjadi tulang belakang ekonomi China, manakala perdagangan tidak digalakkan. Namun, secara beransur-ansur tamadun China mula mengorak langkah untuk mempelbagaikan sumber ekonominya. Pada hari ini, tumpuan telah mula diberi kepada ekonomi kapitalis dengan menekankan pada industri



Buku ini membicarakan tentang dua aspek tamadun China. Aspek pertama membicarakan tentang kronologi sejarah tamadun China, manakala aspek kedua pula tentang beberapa unsur tamadun China seperti tulisan, kepercayaan, pengaruh luar, kesenian, bahasa, agama dan masa depan. Tamadun China dianggap sebagai salah sebuah tamadun tertua di dunia dan kekal hingga hari ini. Keadaan ini menunjukkan keunikan tamadun ini. Perkembangan tamadun ini dari zaman Sebelum Masihi telah memantapkan dan menjadikannya sebagai sebuah tamadun yang tersendiri.

Keistimewaan tamadun China jelas dapat dilihat daripada perkembangan tulisan dan bahasanya. Selain itu, dalam bidang sains dan teknologi juga menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Namun demikian, tamadun China tetap mempunyai hubungan dengan tamadun lain di dunia. Interaksi antara tamadun lain telah memperkayakan lagi tamadun China. Pada hari ini tamadun China tidak lagi terhad pada geografi politik asalnya tetapi telah tersebar ke seluruh dunia, malahan telah menjadi sebahagian daripada kehidupan penduduk dunia hari ini.

ISBN 983-62-7534-7



9 789836 275349

